

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG BERKUATKUASA

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007

Peraturan-Peraturan Pertubuhan Belia (Pendaftaran) 2007

TAKRIF PERTUBUHAN BELIA

Di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, "pertubuhan belia" ertinya mana-mana pertubuhan yang mempunyai ciri-ciri yang berikut :

- (a) mempunyai nama yang mengandungi perkataan "belia" atau suatu perkataan yang mempunyai pengertian yang seumpama atau sama dengan belia;
- (b) kesemua anggotanya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun atau mana-mana gabungan atau kumpulan pertubuhan yang keanggotaannya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun; dan
- (c) mempunyai objektif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti belia.

BAGAIMANA MENUBUHKAN PERTUBUHAN BELIA

Suatu mesyuarat penubuhan hendaklah diadakan untuk menubuhkan pertubuhan belia yang dihadiri tidak kurang daripada 7 orang dan nama-nama mereka hendaklah dicatatkan dalam minit mesyuarat tersebut.

Mesyuarat penubuhan tersebut hendaklah meluluskan ketetapan atau resolusi-resolusi seperti berikut:

- (a) bersetuju tentang penubuhan pertubuhan belia
- (b) meluluskan nama pertubuhan belia yang akan didaftarkan
- (c) meluluskan alamat tempat urusan pertubuhan belia yang akan didaftarkan (sertakan surat kebenaran pemunya premis alamat tersebut jika berkaitan)
- (d) melantik Ahli-ahli Jawatan kuasa Penaja untuk menguruskan pendaftaran pertubuhan belia tersebut
- (e) meluluskan perlembagaan atau kaedah-kaedah pertubuhan belia yang akan didaftarkan
- (f) mencatatkan perjalanan mesyuarat penubuhan (minit mesyuarat) pertubuhan belia termasuk resolusi-resolusi yang disebutkan di atas